

Mesyuarat “Commission of Basic Systems (CBS) Open Programme Area Group (OPAG) Expert Team on Public Weather Services in Support of Disaster Prevention and Mitigation (ET/DPM)”

Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor

25 – 29 Mei 2009

Commission of Basic System (CBS) merupakan salah satu daripada lapan suruhanjaya dalam Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) yang dianggotai oleh Malaysia. Manakala *Expert Team on Public Weather Services in Support of Disaster Prevention and Mitigation (ET/DPM)* adalah salah satu daripada tiga kumpulan pakar dalam CBS OPAG. Dua kumpulan pakar yang lain ialah *Expert Team on Services and Products Improvement* dan *Expert Team on Communication Aspects of Public Weather Services*. Mesyuarat terakhir CBS-OPAG ET/DPM telah diadakan di Beijing, China pada 12 -16 Jun 2006.

Meeting of the Commission of Basic Systems (CBS) Open Programme Area Group (OPAG) Expert Team on Public Weather Services in Support of Disaster Prevention and Mitigation (ET/DPM) yang berlangsung di Petaling Jaya pada 25 – 29 Mei 2009 bertujuan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan peningkatan perkhidmatan cuaca awam terutama dalam menangani kejadian cuaca ekstrem. Resolusi yang akan diperolehi melalui mesyuarat ini yang dihadiri oleh pakar-pakar agensi meteorologi dan hidrologi antarabangsa dapat dimanfaatkan oleh perkhidmatan cuaca awam bagi membantu mengurangkan impak daripada bencana yang berkaitan dengan cuaca ekstrem.



Sesi bergambar ahli '*Expert Team on Public Weather Services in Support of Disaster Prevention and Mitigation (ET/DPM)*' di lobi Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Petaling Jaya.



Kumpulan ET/DPM sedang bermesyuarat dengan para pengarah JMM di Ibu Pejabat JMM di Petaling Jaya, Selangor.